



Ruj Kami: ANM.JB (A) 70/14 (4)
Tarikh : 4 Mei 2020
// Ramadhan 1441H

SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) N. JOHOR

YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan,

PEMANTAUAN NOTA TAERIMAAN BEKALAN DAN PERKHIDAMATAN (GOODS/SERVICISS RECEIVES NOTES (GRN) / FULLFILLMENT RECEIPT NOTES (FRN) KOD AKAUN L1312959

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas SPANM Bilangan 7 Tahun 2018 – Tatacara Pengurusan Bayaran adalah berkaitan.

2. Seperti YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan sedia maklum , adalah menjadi Tanggungjawab Ketua Jabatan untuk menjalankan pemantauan ke atas pengurusan bayaran di PTJ YBhg.Dato/Datin/Tuan/Puan supaya mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang telah di tetapkan.

3. Sehubungan itu, PTJ hendaklah membuat Pemantauan dan semakan bagi Nota Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (GRN/FRN) disempurnakan pembayaran **dengan segera selewat-lewatnya pada bulan berikutnya** (kecuali bagi GRN/FRN bulan Disember disempurnakan mengikut tarikh penutupan akhir tahun). Sebarang kesilapan pada GRN hendaklah dikuiiri oleh PTJ dan jika melibatkan pembatalan hendaklah dibuat dengan kadar segera. Bermula pada tahun 2020, **pelarasan / pembatalan GRN melangkau tahun adalah tidak dibenarkan.**

4. PTJ hendaklah membuat semakan status GRN/FRN telah diselesaikan di bawah modul Laporan Aset/ Liabiliti/ Ekuiti (kod akaun L1312959). Bagi sebarang pertanyaan boleh menghubungi Unit Akaun di alamat email akaun_jhr@anm.gov.my / Puan Siti Shaida Bt Sukerman di talian 07-2249244 samb 1157.


5. Kerjasama dan perhatian YBhg.Dato/Datin/Tuan/Puan untuk mengambil tindakan pemantauan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi”

Saya yang menjalankan amanah,



(NIRMALA DEVI A/P THIRUMALAI C.A(M))

b.p Pengarah Negeri,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor